



# MINGGUAN KKKG

E-BULETIN KOLEJ KOMUNITI KUCHING



## TAHNAH PENGARAH DAN WARGA KKKG ATAS LANTIKAN RAKAN STRATEGIK MBOT

11 Mei – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah mengadakan MBOT Borneo Symposium 2023 yang bertempat di Muzium Budaya Borneo, Kuching dengan kerjasama Association of Professional Technicians and Technologists (APTT) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Pada majlis tersebut, Pengarah Kolej Komuniti Kuching Encik Sumbang Mandaw menerima Sijil Pelantikan sebagai rakan strategik MBOT TUNE CHAPTER yang disempurnakan oleh Premier Sarawak YAB Tan Sri Dr. Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg.

Program yang bertemakan *Preparing a Sustainable Workforce* ini bertujuan memberi apresiasi kepada teknologis dan juruteknik di Sabah dan Sarawak.

Symposium ini turut dihadiri oleh Presiden MBOT YBhg. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir.



# OUTREACH SMK TUN HAJI OPENG

9 Mei – Pegawai Pengambilan Encik Sulaiman Mohd Shah bersama dengan Penyelaras Unit Pengambilan Puan EMaria Ahmad dan Encik Rosman Zulkifli merencanakan lagi Program *Outreach* bertempat di Dewan SMK Tun Haji Openg Kuching.

Para pelajar SMK Tun Haji Openg mengambil kesempatan melawat meja pameran Kolej Komuniti Kuching untuk mendapatkan informasi mengenai program yang ditawarkan serta syarat kelulusan yang diperlukan.



**UPP ANJUR BENGKEL FAHAMI SKU**

9 Mei – Timbalan Pengarah Pengurusan (TPP) Encik Luke Kenny Doring selaku fasilitator membimbing pegawai dan kakitangan kumpulan pengurusan dan sokongan menyasar KPI dan melaksanakan SKU bagi tahun 2023.

Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian sub SKU bagi Unit Pengurusan dan Pentadbiran diadakan di Makmal BIM, Kolej Komuniti Kuching.

# PRISS KENAL PASTI KESESUAIAN, KOMITMEN, MINAT DAN POTENSI PELAJAR

10 & 12 Mei – Hari ini dijalankan temu duga tapisan bagi pengambilan Pembimbing Rakan Inspirasi Siswa Siswi (PRISS) yang bertempat di Dewan Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP) Kolej Komuniti Kuching.

Menurut Pegawai Psikologi Puan Siong Ai Chen objektif pelaksanaan temu duga adalah untuk mengenal pasti dan memastikan kesesuaian, komitmen, minat dan potensi pelajar yang berminat untuk menjadi ahli PRISS.

Antara penemuduga yang terlibat adalah Pegawai Pembangunan Pelajar Puan Elfy Fariza Sharkawi yang turut dibantu oleh ahli PRISS Haziq Aiman Ismadi dan Alleya Armanda Abdullah.

Manakala sesi temu duga kedua iaitu pada 12 Mei, penemuduga yang terlibat untuk pemilihan rakan siswa dan siswa ialah Pensyarah Puan Siti Nur Aishah Lukman yang dibantu oleh ahli PRISS Nur Aleeya Maisara Abdullah dan Nur Batrisyia Abdul Rahman.



TERBITAN : UNIT KOMUNIKASI KORPORAT